

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL



Nikmati **LEBIH** dengan HealthProtector

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM



HealthProtector

Kita semua tahu bahawa penjagaan kesihatan amat diperlukan dan keperluan untuk penjagaan kesihatan menjadi semakin penting terutamanya apabila usia kita bertambah. Dengan kos penjagaan kesihatan yang kian meningkat, pernahkah anda berfikir jika anda bersedia untuk menjaga diri anda sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga dan sekiranya simpanan anda tidak mencukupi untuk menampung keperluan perubatan?

Alangkah baiknya jika terdapat pelan perubatan yang bukan setakat memberi jaminan terhadap keperluan perubatan anda malah dapat membantu anda menabung berserta dengan manfaat-manfaat lain.

Memperkenalkan **HealthProtector**, rider perubatan yang membiayai perubatan sekiranya anda dimasukkan ke hospital dan menerima rawatan pesakit luar. **HealthProtector** menawarkan anda:



Pilihan SmartSaver atau High Deductible

Pilihan SmartSaver atau High Deductible memberikan anda fleksibiliti untuk memiliki pelan perubatan yang direka khusus mengikut keperluan anda.



Smart Value Point: RM1 juta, RM1.5 juta atau RM2 juta

HealthProtector adalah pelan perubatan takaful dengan TIADA had tahunan dan TIADA had seumur hidup untuk memberikan anda perlindungan yang berterusan. Sekiranya jumlah terkumpul tuntutan yang layak dibayar melebihi nilai permulaan Smart Value Point anda berserta sebarang nilai terkumpul Smart Value Point Bonus, kami masih akan membayar 80% daripada lebihan kos manfaat yang layak.



Smart Value Point Bonus

Memberi anda ganjaran kerana kekal sihat dengan peningkatan nilai Smart Value Point anda.



100% Ketidakbatalan

HealthProtector tidak boleh dibatalkan dan pembaharuan dijamin oleh PruBSN.

PERLINDUNGAN PERUBATAN KOMPREHENSIF DENGAN HEALTHPROTECTOR

PILIHAN SMART VALUE POINT

RM1 juta,
RM1.5 juta
atau RM2 juta

PILIHAN BAYARAN BERSAMA PERUBATAN

High Deductible:
RM20,000,
RM50,000,
RM75,000
atau RM100,000

SmartSaver:
SmartSaver300
atau SmartSaver1000

PILIHAN BILIK & PENGINAPAN (R&B)

RM100, RM200,
RM300, RM400,
RM500 atau RM600

Berikut adalah beberapa soalan untuk membantu anda memilih ciri-ciri yang sesuai demi memenuhi keperluan anda!

ADAKAH ANDA TELAH MEMILIKI PERLINDUNGAN PERUBATAN?

TIDAK

HealthProtector
tanpa bayaran
bersama
perubatan

HealthProtector
dengan
SmartSaver

YA

Adakah terdapat
sebarang **had
tahunan** dalam
perlindungan
perubatan sedia
ada anda?

Adakah perlindungan
perubatan sedia ada
anda mencukupi untuk
menampung **kos
penjagaan kesihatan
yang semakin
meningkat**?

HealthProtector
dengan High
Deductible

MANFAAT

Jenis Manfaat	Amaun Manfaat
Manfaat Bilik & Penginapan	
1. Bilik & Penginapan Hospital Harian (sehingga 150 hari setahun)	Pilihan fleksibel antara RM100 dan RM600 sehari <i>(Kenaikan dalam gandaan RM100 sehari)</i>
Manfaat Hospital & Pembedahan	
2. Unit Rawatan Rapi/Unit Rawatan Jantung (sehingga 90 hari setahun)	Seperti yang dicaj
3. Perkhidmatan dalam Hospital & Yang Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Pembedahan • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital (terhad kepada 2 lawatan sehari) 	Seperti yang dicaj
Manfaat Rawatan Pesakit Luar	
4. Rawatan Sebelum Masuk Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)	
5. Rawatan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)	Seperti yang dicaj
6. Penjagaan oleh Jururawat di Rumah (sehingga 180 hari untuk seumur hidup)	
7. Pembedahan Harian	
8. Prosedur Jagaan Harian	
9. Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
10. Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	<i>Sehingga 1.5 kali Smart Value Point awal untuk seumur hidup (termasuk ubat-ubatan untuk dibawa pulang ke rumah, ujian pemeriksaan & rundingan)</i>
Manfaat Lain	
11. Manfaat Komplikasi Kehamilan (untuk wanita yang dilindungi sahaja)	Sehingga RM5,000 setahun
12. Kanta Intraokular	Sehingga RM6,000 untuk seumur hidup

Jenis Manfaat	Amaun Manfaat
13. Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Sehingga 10 kali amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setahun
14. Bantuan Perubatan Kecemasan	Ya
15. Pendapat Perubatan Kedua <ul style="list-style-type: none"> • Konsultasi dan Diagnosis dalam Malaysia • Konsultasi dengan Pakar Bertaraf Dunia 	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 setahun • Ya

Nota:

1. Amaun Manfaat yang dinyatakan di atas mungkin tertakluk kepada pilihan bayaran bersama perubatan.
2. Kami hanya akan membayar balik caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan ke atas perbelanjaan yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.
3. Untuk Rawatan Di Luar Negara, jika orang yang dilindungi memilih atau dirujuk untuk menerima rawatan di luar Malaysia, manfaat untuk rawatan adalah terhad kepada caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan dan Perlu Dari Segi Perubatan yang setara dengan rawatan tempatan di Malaysia dan tertakluk kepada had residen selama 90 hari.

PILIHAN BAYARAN BERSAMA PERUBATAN: HIGH DEDUCTIBLE

Jika anda memilih High Deductible, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap yang bersamaan dengan deduktibel yang dipilih daripada jumlah terkumpul bagi manfaat yang boleh dibayar pada tahun tersebut, sebelum PruBSN membayar perbelanjaan yang selebihnya. Jumlah terkumpul bagi manfaat yang boleh dibayar pada tahun tersebut tidak akan dibawa ke tahun seterusnya.

Jika anda telah mempunyai pelan perubatan dengan had tahunan bersamaan dengan (atau lebih tinggi daripada) jumlah deduktibel, perbelanjaan yang layak yang melebihi nilai High Deductible yang dipilih akan dilindungi oleh **HealthProtector**.

High Deductible terpakai untuk Manfaat Bilik & Penginapan, Manfaat Hospital dan Pembedahan, Manfaat Rawatan Pesakit Luar, dan Manfaat Lain kecuali Pendapat Perubatan Kedua dan Bantuan Kecemasan Perubatan.



SMARTSAVER

SmartSaver adalah cara lebih bijak untuk memaksimumkan nilai pelan perubatan anda. SmartSaver memberikan anda fleksibiliti untuk menikmati penjimatan sumbangan di mana penjimatan ini boleh digunakan untuk meningkatkan tahap perlindungan dan dana persaraan anda. Anda boleh memperolehi LEBIH simpanan dengan nilai tunai yang lebih tinggi, LEBIH perlindungan dan LEBIH manfaat dengan pelan perubatan SmartSaver berbanding Perlindungan Penuh.

Jika anda memilih SmartSaver300 atau SmartSaver1000, anda perlu membayar terlebih dahulu amaun tetap sebanyak RM300 (untuk SmartSaver300) atau RM1,000 (untuk SmartSaver1000) daripada jumlah perbelanjaan yang layak ditanggung untuk manfaat yang layak bagi setiap hilang upaya sebelum PruBSN membayar baki perbelanjaan. SmartSaver tidak terpakai untuk Kos Bilik dan Penginapan Hospital Harian, Pembedahan Harian, Prosedur Jagaan Harian, Rawatan Kanser Pesakit Luar, Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kecemasan bagi Kecederaan akibat Kemalangan, Pendapat Perubatan Kedua, Bantuan Perubatan Kecemasan dan Kanta Intraokular.


SMART VALUE POINT (SVP)

Tuntutan ke atas manfaat yang layak akan dibayar sepenuhnya (tertakluk kepada SmartSaver atau High Deductible, jika berkenaan) sehingga Smart Value Point awal. Jika jumlah tuntutan melebihi Smart Value Point yang awal ditambah Smart Value Point Bonus yang terkumpul, kami tetap meneruskan perlindungan sehingga umur tamat tempoh dengan membayar 80% daripada jumlah kos manfaat yang layak.

Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar adalah sehingga 1.5 kali Smart Value Point yang dipilih. Apabila jumlah tuntutan yang layak bagi Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar melebihi had ini, tiada lagi tuntutan boleh dibuat di bawah Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar. Tuntutan ke atas Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar akan dikira sebagai sebahagian daripada Smart Value Point.

Bagaimanakah Smart Value Point berfungsi?

Seorang pelanggan lelaki yang berumur 35 tahun telah menyertai **HealthProtector** dengan SVP RM1.5 juta dan mempunyai jumlah tuntutan yang layak sebanyak RM2 juta.



Nota:

Contoh di atas merujuk pada tempoh manfaat yang dipilih sehingga umur 100. Ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan semua manfaat adalah tertakluk pada tempoh menunggu. Sila rujuk Dokumen Sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh.

¹Jumlah ini perlu dibayar sebagai tambahan kepada bayaran bersama perubatan.

Smart Value Point Bonus

Bagi pelan-pelan dengan manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian sebanyak RM300 dan ke atas, jika anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh 2 tahun, anda akan diberi ganjaran Smart Value Point Bonus dengan meningkatkan Smart Value Point (SVP) anda sebanyak 2% daripada SVP awal pada penghujung setiap 2 tahun.

Apabila jumlah tuntutan yang telah dibayar melebihi jumlah Smart Value Point dan juga Smart Value Point yang terkumpul (jika ada), tiada lagi Smart Value Point Bonus yang seterusnya akan ditawarkan walaupun tidak ada tuntutan selanjutnya.

Potongan Tabarru`

Potongan Tabarru` ditolak setiap bulan daripada Akaun Unit Perlindungan (PUA) untuk membayar perlindungan takaful anda. Potongan Tabarru` untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur, kelas pekerjaan, Smart Value Point, Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian, pilihan Bayaran Bersama Perubatan (Perlindungan Penuh/SmartSaver/ High Deductible).

Potongan Tabarru` adalah sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru` bagi tujuan saling membantu di kalangan peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Siapakah yang boleh mengambil HealthProtector?

Umur Kemasukan	13 minggu kehamilan sehingga 70 tahun.
Tempoh Manfaat	Pilih untuk dilindungi sehingga umur tamat tempoh 60, 70, 80, 90 atau 100, atau untuk tempoh 20 tahun. Nota: Pilihan adalah berdasarkan umur kemasukan orang yang dilindungi dengan tempoh manfaat minimum tidak kurang dari 20 tahun. Tempoh Manfaat bagi HealthProtector mestilah sama dengan Tempoh Manfaat bagi pelan asas.

2. Apakah tempoh menunggu yang perlu saya ketahui?

Keterangan	Tempoh Menunggu
Sebarang Penyakit selain daripada Penyakit Tertentu	30 hari
Penyakit Tertentu	120 hari
Komplikasi Kehamilan	365 hari

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah produk ini.

3. Bagaimanakah untuk saya bermula dengan HealthProtector?

LANGKAH 1	Tetapkan Smart Value Point anda RM1 juta RM1.5 juta RM2 juta
LANGKAH 2	Tetapkan pilihan pembayaran bersama SmartSaver atau High Deductible anda SmartSaver300, SmartSaver1000, High Deductible 20,000 50,000 75,000 100,000 atau tiada bayaran bersama perubatan
LANGKAH 3	Tetapkan amaun manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian anda RM100 RM200 RM300 RM400 RM500 RM600

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan **Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN)**. Risalah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan risalah **PruBSN Asas360**. Untuk maklumat lanjut mengenai rider ini, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk.
2. **HealthProtector** adalah tidak boleh dibatalkan dan pembaharuananya dijamin oleh PruBSN, selagi semua sumbangan dibayar secara berterusan dan rider adalah berkuatkuasa, kecuali sekiranya berlaku penipuan atau dalam mana-mana keadaan yang membuatkan sijil atau rider terbatal atau tidak sah. Ia tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru`* apabila berlaku penamatan sijil. Sila rujuk kepada klausa penamatan yang terdapat dalam Dokumen Sijil.
3. Penolakan *Tabarru`* pelan perubatan ini adalah tidak dijamin. Ini bermakna, kami mungkin perlu meningkatkan penolakan *Tabarru`* pada masa hadapan. Kadar-kadar ini dipengaruhi secara langsung oleh pengalaman tuntutan kami bagi pelan ini, termasuk inflasi perubatan yang mungkin disebabkan oleh kemajuan dalam teknologi perubatan, kos rawatan yang lebih tinggi dan peningkatan kelaziman penyakit tidak berjangkit dari semasa ke semasa. Oleh itu, peningkatan penolakan *Tabarru`* mungkin berlaku lebih kerap pada masa hadapan dan akan dikenakan kepada semua orang yang dilindungi tanpa mengira sejarah tuntutan mereka. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberi notis bertulis 30 hari sebelum kadar yang dipinda berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya.
4. Senarai hospital panel boleh disemak semula. Sila rujuk pada www.prbsn.com.my untuk melihat senarai Hospital Panel dan anda dinasihatkan untuk merujuk kepada senarai terkini sebelum mendapatkan rawatan.
5. Anda hanya boleh mendapatkan Pendapat Perubatan Kedua apabila anda disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi.
6. Takaful adalah komitmen jangka panjang dan ia mungkin tidak menguntungkan anda sekiranya anda membatalkan sijil Takaful dan menyertai semula di masa hadapan. Anda seharusnya berpuas hati dan memastikan bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.



PENGECUALIAN

HealthProtector tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- i. Keadaan Sedia Ada jika penyakit tersebut tidak dinyatakan di dalam borang cadangan atau apa jua borang lain yang berkaitan dengan keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi selepas Sijil ini berkuatkuasa.
- ii. Penyakit Spesifik yang berlaku dalam tempoh 120 hari daripada tarikh berkuatkuasa rider. Walau bagaimanapun, jika terdapat pemberhentian dalam perlindungan sebelum tamat tempoh 120 hari tersebut, tempoh 120 hari yang baru akan bermula semula.
- iii. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal dan tanda-tanda atau gejala-gejalanya yang berlaku dalam 30 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, kecuali kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan.
- iv. Sebarang keadaan neonatal perubatan atau fizikal termasuk trauma kelahiran (kecederaan fizikal yang dialami oleh bayi semasa lahir) yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh lahir orang yang dilindungi, mana-mana yang terkemudian.
- v. Sebarang manfaat yang diperuntukkan di bawah Manfaat Komplikasi Kehamilan yang berlaku dalam tempoh 365 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang terkemudian.
- vi. Pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasaan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomi radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau ditanam, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.
- vii. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa sijil dan rider berkuatkuasa.
- viii. Penjagaan peribadi (kecuali Manfaat Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah), rehat pulih atau penjagaan sanitasi.
- ix. Mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan.
- x. Pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator.
- xi. Kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol.
- xii. Penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV.
- xiii. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- xiv. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasinya, kehamilan, kehamilan semasa dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, pengguguran kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan disebabkan oleh psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan).

- xv. Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, terapi sel stem, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang bukan Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatric.
- xvi. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- xvii. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau serangan atau perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata.
- xviii. Sebarang penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau mogok atau kekecohan awam atau pemberontakan.
- xix. Percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas.
- xx. Sebarang pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan.
- xi. Memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- xxii. Sebarang radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- xxiii. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Orang yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- xxiv. Pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
- xxv. Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana insurans/takaful atau indemniti lain yang melindungi orang yang dilindungi, dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.
- xxvi. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- xxvii. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain.
- xxviii. Mengambil bahagian dalam sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

- xxix. Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
- xxx. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina.
- xxxi. Rawatan bersifat eksperimen, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan bukan konvensional, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan biasa, dan yang belum disahkan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia.
- xxxii. Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, konservasi keadaan orang yang dilindungi atau pemulihan keadaan kesihatan orang yang dilindungi seperti sebelumnya.
- xxxiii. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku semasa 30 hari pertama dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang terkemudian.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "***Ta`awun***"(kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (kebajikan).

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

HealthProtector adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

No. Syarikat 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Januari 2025.